



جابتن حال إحوال إكعام إسلام قولوا فينخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH
**KEMANISAN
LAILATUL QADR**



Tarikh Bacaan:
21 MAC 2025M / 20 RAMADAN 1446H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Kemanisan Lailatul Qadr

21 Mac 2025/ 20 Ramadhan 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿١﴾ سورة القدر

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH,

Menjadi tanggungjawab di sini untuk berpesan kepada diri sendiri dan sidang jemaah sekalian untuk sama-sama bertakwa kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dengan semaksimum takwa yang mungkin, kerana dengan jalan takwa sahajalah menyebabkan ibadat kita diterima oleh Allah.

Mimbar juga menyeru kepada jemaah sekalian, untuk memberi fokus sepenuhnya kepada khutbah yang disampaikan. Menurut Irsyad Fatwa Negeri Pulau Pinang, sunat hukumnya bagi orang yang mendengar khutbah untuk diam daripada berkata-kata dan tidak melakukan sebarang aktiviti selain mendengar khutbah.



Sebelum khatib meneruskan khutbah pada hari ini, adalah ditegaskan bahawa, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dengan ini mengecam segala bentuk tindakan yang tidak berperikemanusiaan dalam melakukan jenayah perang sebagaimana dilakukan oleh rejim Zionis Israel terhadap rakyat Palestin. Serangan ini juga telah mencalarkan kesucian bulan Ramadan kepada umat Islam yang sedang menjalani ibadah puasa khususnya di Palestin. Tindakan kejam Zionis Israel ini secara jelas tidak mempedulikan serta mencabuli undang-undang antarabangsa.

Justeru, khatib dengan ini menggesa seluruh rakyat dan umat Islam Pulau Pinang khususnya untuk terus bersolidariti menyatakan sokongan padu kepada rakyat Palestin yang sudah sekian lama ditindas. Khatib turut menyeru agar kita semua terus memanjatkan DOA, bersatu dalam menyalurkan sokongan dan bantuan kemanusiaan bagi meringankan penderitaan rakyat Palestin yang berhadapan dengan kezaliman rejim Zionis Israel.

Sempena fasa terakhir Ramadan, marilah sama-sama kita menghayati khutbah bertajuk “**Kemanisan *Lailatil Qadr*.**”

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Lailatil Qadr atau malam *al-Qadr* adalah malam yang sangat istimewa dalam agama Islam. Nama “*al-Qadr*” sendiri bermakna “kekuasaan” atau “kemuliaan”. Malam ini disebut dalam al-Quran sebagai malam yang lebih baik daripada seribu bulan. Seperti mana firman Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dalam surah al-Qadr ayat 3:

لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ شَهْرٍ ﴿٣﴾

Maksudnya: “Malam al-Qadr itu lebih baik daripada seribu bulan.”

Kemanisan *Lailatil Qadr* terletak pada hakikat bahawa malam ini penuh rahmat dan keberkatan. Bagi orang yang berjaya menghidupkan malam tersebut dengan penuh keimanan dan harapan yang tulus kepada Allah, mereka akan merasakan kedamaian yang mendalam, jauh dari hiruk-pikuk dunia yang sempurna. Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* menyambung dalam surah yang sama ayat 4:

تَنْزَلُ الْمَلَائِكَةُ وَالرُّوحُ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِنْ كُلِّ أَمْرٍ ﴿٤﴾

Maksudnya: “Pada malam itu turun para malaikat dan Jibril dengan izin Tuhan mereka kerana membawa segala perkara (yang ditakdirkan berlaku pada tahun berikutnya)”.

Keberadaan malaikat yang membawa kedamaian dan keberkatan ini memberi kesan yang mendalam pada hati orang yang beribadah.

Kemanisan *Lailatul Qadr* bukanlah sesuatu yang dapat dirasakan melalui panca indera. Ia lebih kepada kemanisan rohani, iaitu ketenangan yang mengisi hati mereka yang ikhlas beribadah pada malam tersebut. Hati yang bersih, yang penuh dengan pengharapan kepada Allah, akan merasai satu kedamaian yang tidak ternilai harganya.

Orang yang berusaha untuk menghidupkan malam *al-Qadr* dengan solat malam, doa, zikir, dan bacaan al-Quran, akan merasai ketenangan yang luar biasa, kerana hati mereka dipenuhi dengan cahaya iman dan rasa cinta kepada Allah.

Kemanisan ibadah itu hadir apabila seseorang benar-benar merasa dekat dengan Allah. Dalam solat dan doa, dia merasakan bahawa tiada nikmat yang lebih berharga selain peluang untuk mendekatkan diri kepada-Nya. Inilah yang dinamakan 'kemanisan ibadah'. Dengan kemanisan ini, hati menjadi lebih khusyu' (خُشُوع) dan penuh *tadharru'* (تَضَرُّع), iaitu rasa rendah diri dan ketundukan sepenuhnya kepada Allah.

Pada malam *al-Qadr*, Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* membuka pintu pengampunan bagi seluruh umat Islam yang memohon ampun dengan bersungguh-sungguh. Rasulullah *صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ* bersabda:

“Barangsiapa menghidupkan malam al-Qadr dengan penuh keimanan dan mengharapakan pahala daripada Allah, maka akan diampuni dosa-dosanya yang telah lalu.” ﴿Hadis Riwayat Al-Bukhari dan Muslim﴾

Inilah salah satu bentuk kemanisan yang paling besar iaitu apabila dikurniakan pengampunan daripada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* daripada segala dosa yang telah lalu. Tiada ganjaran yang lebih manis bagi seorang hamba yang menyedari betapa banyak dosanya, namun dia diberikan peluang oleh Allah untuk memulai hidup yang baru dan bebas daripada dosa.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Akan tetapi, suatu persoalan yang amat penting, mengapakah masih ramai dalam kalangan hamba-hamba Allah yang masih memandang ringan kepada *Lailatul Qadar*? Mungkin antara sebabnya ialah:

1. Mempunyai penyakit lemah iman, kurang jelas tentang kebesaran dan kemuliaan serta ganjaran pahala pada malam *al-Qadar*.
2. Mempunyai penyakit panjang angan-angan seolah-olah akan hidup seratus tahun lagi. Mereka membiarkan malam-malam sepuluh terakhir Ramadan berlalu begitu sahaja tanpa diisi dengan amal ibadat kepada Allah.
3. Mengikut hawa nafsu sehingga tidak berhajat melakukan ibadat pada malam-malam sepuluh akhir Ramadan. Nafsu ingin berehat, mahu menonton TV, berbual-bual kosong serta ingin bersama-sama bantal, tilam dan kain selimut. Ada pula yang sibuk membeli-belah untuk persiapan raya sehingga terlupa ganjaran yang disediakan oleh Allah pada malam *al-Qadar*.

Justeru, kita mesti mengubati penyakit ini agar ia tidak menjadi semakin parah. Antara yang boleh dilakukan ialah:

1. Menanam penuh keyakinan bahawa ganjaran amal ibadat pada malam *al-Qadar* memang besar dan kita mesti berlumba-lumba mendapatkannya.
2. Membuang penyakit panjang angan-angan, dengan kita sentiasa ingat bahawa kita mungkin akan berjumpa dengan Malaikat Maut pada bila-bila masa sahaja.
3. Menanam keazaman untuk jihad melawan kehendak nafsu agar kita dapat patuh kepada seruan al-Quran yakni panggilan surah al-Qadr. Teladani ibadat yang pernah dikerjakan oleh junjungan besar Nabi kita Muhammad s.a.w. pada malam-malam sepuluh terakhir Ramadan.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Salah satu amalan yang tidak pernah ditinggalkan oleh Baginda Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ sepanjang hayatnya adalah beriktikaf pada 10 malam terakhir sebagaimana hadis:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ: كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَعْتَكِفُ فِي الْعَشْرِ
الْأَوَاخِرِ مِنْ رَمَضَانَ حَتَّى تَوَفَّاهُ اللَّهُ، ثُمَّ اعْتَكَفَ أَزْوَاجُهُ مِنْ بَعْدِهِ.

Maksudnya: “Dahulu Nabi beriktikaf pada sepuluh hari terakhir bulan Ramadan sehingga Baginda wafat. Kemudian, para isteri Baginda meneruskan amalan iktikaf selepas kewafatan Baginda.”

﴿Hadis Riwayat Al-Bukhari dan Muslim﴾

Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ sangat mengutamakan iktikaf pada sepuluh malam terakhir Ramadan sebagai usaha mendekatkan diri kepada Allah dan mencari al-qadr. Selepas kewafatan Rasulullah, para isteri baginda meneruskan amalan iktikaf ini, menunjukkan ia adalah sunnah yang disukai dan patut diamalkan. Iktikaf adalah peluang untuk seseorang menjauhkan diri daripada urusan dunia dan fokus kepada ibadah seperti solat, membaca Al-Quran, berzikir dan berdoa. Antara doa yang dianjurkan:

اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوفٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنِّي

Maksudnya: “Ya Allah, sesungguhnya Engkau Maha Pemaaf, Engkau suka memberi maaf, maka maafkanlah aku.”

﴿Hadis Riwayat At-Tirmizi﴾

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Sebagai kesimpulan, kemanisan *Lailatul Qadr* adalah sesuatu yang tidak dapat dibandingkan dengan apapun di dunia ini. Ia adalah sebuah malam yang penuh dengan rahmat, pengampunan, kedamaian, dan perubahan diri. Marilah kita berusaha untuk memperoleh kemanisan ini dengan empat langkah berikut:

Pertama: Menguruskan masa agar malam-malam terakhir Ramadan dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Kedua: Banyakkan berdoa agar segala dosa kita mendapat keampunan daripada Allah dan carilah malam *al-Qadr* dengan penuh keimanan dan harapan.

Ketiga: Banyakkan iktikaf di sepuluh hari terakhir Ramadan serta digalakkan seluruh masjid di negeri Pulau Pinang memberi ruang dan peluang untuk jemaah beriktikaf di masjid tanpa halangan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالْعَصْرِ ① إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ② إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا

بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ③

Maksudnya: “Demi masa, sesungguhnya manusia berada dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, saling berpesan tentang kebenaran dan kesabaran.”

﴿Surah al-Asr ayat 1 hingga 3﴾

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَأَيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذُّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا،
وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

2025M/1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجٍ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Untuk makluman semua, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil.1/2025 telah memutuskan seperti berikut:

Nilai makanan asasi (*qut al-balad*: قُوتُ الْبَلَدِ) penduduk Pulau Pinang ialah **RM10.00**. Oleh yang demikian, kadar zakat fitrah secara umumnya bagi tahun ini di negeri Pulau Pinang ialah **RM10.00**. Manakala nilai yang lain adalah merujuk kepada kadar makanan diri sendiri (*qut al-nafs*: قُوتُ النَّفْسِ) iaitu:

Pertama: RM15.00 bagi kumpulan yang memakan beras rebus, *thai white rice*, beras perang atau yang setara dengannya;

Kedua: RM25.00 bagi kumpulan yang memakan beras berkualiti tinggi seperti beras wangi, beras pulut, beras herba ponni, beras *calrose*, beras merah import dan beras basmathi atau yang setara dengannya.

Ketiga: RM7.00 bagi kumpulan yang memakan beras jenis super special tempatan 5%, beras hancur atau lain-lain jenis yang setara dengannya.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصِرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينِ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيْمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ
العَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَوِلَايَةَ فُؤَلَاوِ فَيَنْبَغِ آمِنًا مُطْمَئِنًّا
سَخَاءَ رَحَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيْمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيْعَتِكَ، اللَّهُمَّ
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَأَشْمَلِ اللَّهُمَّ بَعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tun Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Toh Puan Khadijah Binti Mohd Noor.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat MAINPP dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP. Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولواو فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG